

BERITA HARIAN ONLINE - 16 AUGUST 2018

<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2018/08/462697/sunway-construction-catat-untung-rm452-juta>

(PR VALUE - 500)



Sunway Construction catat untung RM45.2 juta

KUALA LUMPUR: Sunway Construction Group Bhd mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM45.2 juta bagi suku kewangan berakhir 31 Mac 2018, meningkat berbanding RM41.9 juta pada suku sama tahun lalu.

Pendapatannya dalam suku dikaji meningkat kepada RM544.3 juta, berbanding RM417.3 juta yang diraih dalam suku sama 2017.

Pendapatan kumpulan meningkat khususnya disebabkan oleh segmen pembinaan, yang diimbangi oleh penurunan dalam segmen pra-tuang.

Segmen pembinaan mencatatkan pendapatan sebanyak RM511.6 juta dengan keuntungan sebelum cukai RM43 juta pada suku dikaji.

Pendapatan lebih tinggi pada suku semasa juga disebabkan sumbangan lebih tinggi daripada unit bangunan dan sivil di wilayah tengah, berikutan kemajuan kerja yang lebih tinggi.